

19/05/1999

Pertumbuhan KDNK dijangka lebih baik

BANK Negara Malaysia akan mengeluarkan perangkaan mengenai unjuran pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) bagi suku pertama tahun ini, tidak lama lagi dan ia dijangka lebih baik.

Dalam sidang akhbar selepas merasmikan persidangan pengurusan kredit kebangsaan di Kuala Lumpur semalam, Gabenor bank pusat itu, Tan Sri Ali Abul Hassan Sulaiman berkata angka itu akan menjadi petunjuk pemulihan ekonomi.

"Ia akan dikeluarkan tidak lama lagi," katanya ketika ditanya bila perangkaan KDNK bagi suku pertama akan dikeluarkan.

KDNK ialah nilai pasaran barangan dan perkhidmatan yang dikeluarkan oleh sesebuah negara. Ia meliputi pembelian oleh pengguna dan kerajaan, pelaburan swasta dalam negara serta eksport bersih barangan dan perkhidmatan.

Ditanya sama ada angka itu positif, beliau berkata: "Saya tidak memberi bayangan apa-apa tetapi ia sepatutnya lebih baik daripada sebelum ini. Ia benar-benar menunjukkan ekonomi negara sedang pulih".

Ali Abul Hassan tidak menyatakan sama ada beliau merujuk kepada pertumbuhan KDNK pada asas sukuan atau tahunan. Bagi asas suku tahunan, KDNK menguncup 0.4 peratus pada suku pertama 1997 berbanding suku sebelum itu. Ia menguncup 12.2 peratus pada suku pertama 1998, kemudian berkembang 2.2 peratus, 1.8 peratus dan 0.5 peratus pada asas sukuan pada 1998.

Berdasarkan tahunan, KDNK menguncup 2.8 peratus pada suku pertama 1998 dan 6.8 peratus, 9.0 peratus dan 8.1 peratus pada asas tahunan 1998.

Ketika membentangkan kajian separuh penggal Rancangan Malaysia Ketujuh, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kerajaan mengunjurkan pertumbuhan lima peratus tahun depan daripada unjuran satu peratus tahun ini.

Terdahulu dalam ucapannya, Ali Abul Hassan, berkata tanda pemulihan sudah kelihatan dengan keyakinan baru muncul di kalangan pengguna dan pelabur selain kegiatan ekonomi menunjukkan aliran meningkat.

"Jika aliran semasa ini berterusan, tidak menjadi masalah sama sekali untuk mencapai pertumbuhan positif KDNK pada tahun ini," katanya.

Mengenai pencapaian institusi perbankan dari segi pembiayaan, beliau berkata, Bank Negara masih belum berpuas hati terhadapnya dan akan terus mengawasi keadaan itu dengan lebih dekat termasuk meletakkan tanggungjawab ke atas bahu ketua eksekutifnya.

Ia adalah bagi memastikan supaya sasaran pertumbuhan pinjaman lapan peratus tahun ini dicapai selepas sasaran dengan kadar yang sama tahun lalu, gagal.

(END)